


Rujukan Kami : KPTM.IP.BHEA.3-5 Jilid 2 (8)
Tarikh : 30 September 2024
26 Rabiulawal 1446 H



Para Graduan
Kolej Poly-Tech MARA (KPTM)

Ibu Pejabat
Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd.
Aras 4 & 5, Ibu Pejabat KPTM
Jalan 7/91, Taman Shamelin Perkasa
56100 Cheras, Kuala Lumpur
T : 603-9179 5600
F : 603-9281 7491

Saudara/i,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ POLY-TECH MARA (KPTM) KE - 40

Seluruh warga KPTM mengucapkan **TAHNIAH** kepada saudara/i kerana telah berjaya menamatkan pengajian di Kolej Poly-Tech MARA. Sempena kejayaan ini, pihak KPTM akan mengadakan Majlis Konvokesyen pada **19 Disember 2024 hingga 22 Disember 2024** (Khamis hingga Ahad), bertempat di World Trade Centre, Kuala Lumpur (WTCKL)

2. Saudara/i dipohon untuk membuat pengesahan maklumat graduan di laman web rasmi konvokesyen <https://convo.kptm.edu.my> mulai **03 Oktober 2024 sehingga 30 November 2024**.

3. Upacara Raptai akan diadakan pada:

Tarikh : 16 Disember 2024 (Isnin)
Tempat : Dewan Merdeka, WTCKL
Masa : 2.30 petang

4. Semua graduan yang telah membuat pengesahan kehadiran boleh mengikuti raptai Majlis Konvokesyen secara live di Facebook/ Youtube Rasmi Kolej Poly-Tech MARA bagi memahami perjalanan aturcara pada hari majlis rasmi.

5. Berikut adalah beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh graduan:

- i) Pakaian semasa raptai hendaklah kemas dan sopan serta bersesuaian dengan majlis. Graduan lelaki hendaklah berambut pendek. (Dilarang memakai selipar/sandal/jeans/T-shirt kolar bulat)
- ii) Graduan diminta berkumpul semasa sesi konvokesyen:
 - a. Sidang Pagi : Bermula jam 7.00 pagi
 - b. Sidang Petang : Bermula jam 12.30 tengah hari

“TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING”



KPTM.IP.BHEA.3-5 Jilid 2 (8)

- iii) Tempat meletak kenderaan ibu bapa dan para tetamu (*parking*) adalah TERHAD. Ibu bapa dan para tetamu disarankan menggunakan kemudahan kenderaan awam untuk ke majlis.

Bagi pihak urusetia, saya berharap agar kita sama-sama jadikan majlis konvokesyen ini hari yang penuh bermakna untuk diraikan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"LUAR BANDAR SEJAHTERA"

Saya yang menjalankan amanah,



MOHAMED SAIFUDDIN BIN HUSSIN
Ketua Pegawai Operasi
Merangkap Pengerusi Majlis Konvokesyen UPTM & KPTM

"TRUSTWORTHY, SYNERGISTIC AND CARING"

